



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
SIMPOSIUM PENCALONAN KAMPUNG BARU DI
MALAYSIA SEBAGAI TAPAK WARISAN DUNIA
UNESCO: *THE SECOND GLANCE - NEW VISION FOR
NEW VILLAGE*

OLEH
YANG BERTHORMAT TUAN YEOH SOON HIN
**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
MERANGKAP PENERUSI JAWATANKUASA PELANCONGAN DAN
EKONOMI KREATIF**

TARIKH / MASA / TEMPAT
12 OGOS 2022 (JUMAAT)
8.00 MALAM

**IXORA HOTEL PENANG
PERAI
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Malam dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, diberikan kesempatan untuk kita berkumpul dalam Majlis Makan Malam bagi Perasmian Simposium Pencalonan Kampung Baru Di Malaysia Sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO: *The Second Glance - New Vision For New Village*.

Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin, EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif yang telah menyumbang peruntukan bagi penganjuran simposium dan seterusnya merasmikan simposium ini sebentar lagi.

Saya juga ucapkan ribuan terima kasih kepada ke semua Dif-Dif Kehormat, rakan-rakan media, tuan-tuan, puan-puan sekalian dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada malam ini.

**Yang Berhormat, Yang Berbahagia Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Saya menyokong usaha daripada *International Council on Monuments and Sites Malaysia* (ICOMOS) dan Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri yang sedang berusaha untuk menyediakan tentatif bagi Pencalonan Bersama Kampung-Kampung Baru di Malaysia untuk disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Warisan merupakan antara aspek yang diberi penekanan di dalam Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030, di mana produk Pelancongan Sejarah dan Warisan di Seberang Perai adalah berteraskan kepada nilai-nilai sejarah yang merangkumi sumber jaya warisan kebudayaan, cara hidup, rumah-rumah tradisional dan makanan tradisional yang dikategorikan sebagai produk pelancongan sejarah dan warisan budaya serta pelancongan gastronomi.

Usaha berterusan daripada pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai sentiasa dilakukan untuk mengenal pasti kawasan di Seberang Perai yang berpotensi untuk ditonjolkan sebagai produk pelancongan berunsur sejarah dan warisan budaya, di samping menyokong pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan-bangunan dan kawasan-kawasan warisan yang dikenal pasti.

**Yang Berhormat, Yang Berbahagia Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Sejarah mencatatkan kampung-kampung baru diwujudkan bertujuan untuk penempatan semula perkampungan yang berselerak dan cenderung kepada ancaman komunis. Penempatan ini merupakan satu strategi ketenteraan di bawah Rancangan Briggs (pada tahun 1948-1960) bagi mengawal aktiviti serta pergerakan komunis dan seterusnya mengatasi ancaman komunis pada ketika itu.

Terdapat lebih daripada 400 kawasan Kampung Baru di Semenanjung Malaysia (dahulunya dikenali sebagai *the Federation of Malaya*). Berdasarkan kajian MY Kampung oleh PLANMalaysia Pulau Pinang, terdapat 12 buah Kampung Baru di seluruh Pulau Pinang. Kampung-kampung baru ini mempunyai nilai signifikan yang tersendiri dari segi rekabentuk dan warisan kebudayaan masyarakatnya. Usaha untuk mencalonkan kampung-kampung baru ini sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO amatlah penting bagi generasi akan datang.

Namun sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, kami bukan sahaja komited untuk memulihara Warisan Kebudayaan dan Warisan Alam

Semulajadi tetapi lebih penting lagi adalah memberikan perkhidmatan dan pembangunan infrastruktur terbaik kepada warga tempatan.

Pewartaan Kampung-Kampung Baru sebagai Warisan Kebangsaan dan pencalonan untuk status Warisan Dunia UNESCO seharusnya bertujuan memberikan faedah kepada penduduk tempatan. Kita tidak mahu pengiktirafan UNESCO hanya semata-mata untuk memberikan '*prestige*' dan kebanggaan kepada satu kumpulan kecil profesional sahaja tetapi mengabaikan aspirasi rakyat yang lebih besar. Sebagai contoh kita tidak mahu status Warisan Kebangsaan atau Warisan Dunia membebankan penduduk tempatan untuk mematuhi pelbagai garis panduan yang sukar. Apatah lagi jika menghalang penduduk tempatan dari membuat pembangunan seperti membesarkan rumah atau premis perniagaan. Atau lebih perit lagi jika status warisan ini menghalang Pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakan pelbagai pembangunan bagi kemudahan rakyat.

Justeru saya berharap, para profesional khususnya daripada ICOMOS dapat memberikan garis panduan yang jelas kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan penduduk berkaitan Pelan Pengurusan dan garis panduan pembangunan kampung-kampung baru ini.

**Yang Berhormat, Yang Berbahagia Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Akhir sekali, saya berharap agar simposium ini menjadi satu platform yang terbaik kepada semua agensi yang terlibat untuk memahami proses pencalonan sesuatu tapak sebagai tapak warisan dunia UNESCO. Saya juga berharap semua yang hadir ke simposium ini dapat menyumbangkan kepakaran masing-masing untuk mengangkat satu lagi khazanah Negara sebagai tapak warisan dunia UNESCO.

Selamat bersimposium.

Sekian, Terima Kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh***